

A. UMUM

? 1. Siapakah Western Union?

A Dengan lebih 150 tahun pengalaman, Western Union adalah peneraju global di dalam perkhidmatan kiriman wang. Mereka adalah peneraju perkhidmatan kiriman wang yang cepat, terjamin dan mudah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.westernunion.com

? 2. Apakah Kiriman Wang Western Union?

A Kiriman Wang Western Union adalah pemindahan wang kepada individu dari Ejen Western Union di sesuatu lokasi ke Ejen Western Union di lokasi yang berbeza. Western Union mempunyai rangkaian ejen sebanyak 445,000 lokasi seluruh dunia.

B. MENGIRIM WANG

? 3. Apakah dokumen yang diperlukan untuk membuat Kiriman Wang Western Union?

A Anda memerlukan dokumen-dokumen berikut:

- i. Kad Pengenalan Asal bagi warganegara Malaysia atau Paspot Asal dan Permit Kerja bagi bukan warganegara Malaysia.
- ii. Lokasi dan butiran pengenalan Penerima anda.

? 4. Ke negara manakah saya boleh membuat Kiriman Wang Western Union?

A Anda boleh mengirimi wang ke lebih 445,000 lokasi Ejen Western Union di lebih 220 negara dan kawasan. Kiriman wang tidak dapat dibuat di sesetengah negara seperti Kuba, Korea Utara, Burma dan Iran.

? 5. Bagaimana penerima saya menerima Kiriman Wang Western Union? Apakah dokumen yang diperlukan?

A Untuk penerimaan wang, penerima perlu melengkapkan borang "To Receive Money" di mana-mana lokasi ejen Western Union di negara mereka. Mereka perlu mengemukakan dokumen pengenalan yang sah atau jawab soalan ujian.

? 6. Bagaimanakah kiriman wang dibayar kepada penerima saya?

A Penerima boleh memilih samada menerima wang secara tunai atau kreditkan wang tersebut ke akaun simpanan atau semasa AmBank. Transaksi antarabangsa akan dibayar dalam matawang tempatan di negara penerima.

? 7. Apakah lokasi Ejen Western Union?

A Lokasi Ejen Western Union adalah perniagaan persendirian yang memberi perkhidmatan kiriman wang kepada pelanggan mereka bagi pihak Western Union. Di luar Malaysia, ejen termasuk perkhidmatan kewangan terkemuka, pejabat pos, lapangan terbang, stesen, pejabat pertukaran wang, agensi pelancongan dan lain-lain lagi.

? 8. Di manakah boleh saya dapati lokasi ejen Western Union?

A Lokasi Ejen Western Union boleh didapati di laman web www.westernunion.com/agentLocator

? 9. Apakah itu Nombor Kawalan Kiriman Wang (MTCN)?

A Nombor Kawalan Kiriman Wang (MTCN) adalah nombor pengesahan yang dikeluarkan setelah kiriman wang Western Union berjaya dilakukan.

? 10. Apa yang patut saya lakukan dengan Nombor Kawalan Kiriman Wang (MTCN)?

A Anda perlu maklumkan MTCN ini kepada penerima anda kerana penerima mungkin memerlukan nombor ini untuk tujuan kutipan wang tersebut. Nombor ini juga diperlukan oleh anda atau penerima anda apabila anda membuat panggilan ke Western Union untuk bantuan atau untuk memeriksa status pengiriman anda.

? 11. Bilakah kiriman wang tersebut boleh diambil oleh penerima saya?

A Secara umumnya, kiriman wang tersebut sedia untuk kutipan dalam masa 10 minit

? 12. Adakah saya akan menerima pengesahan bahawa penerima telah menerima wang tersebut?

A Tidak. Walaubagaimanapun, anda mempunyai pilihan untuk menghubungi talian bebas tol Western Union (1-800-813-399) untuk memeriksa status kiriman wang. Anda memerlukan Nombor Kawalan Kiriman Wang (MTCN) untuk memeriksa status kiriman wang tersebut.

? 13. Bagaimanakah caranya untuk mengetahui status kiriman wang?

A Sila hubungi talian bebas tol Western Union (1-800-813-399) untuk memeriksa status kiriman wang anda. Anda memerlukan Nombor Kawalan Kiriman Wang (MTCN) untuk memeriksa status kiriman wang tersebut.

? 14. Bagaimanakah caranya untuk menukar atau membatalkan kiriman wang Western Union?

A Sila hubungi talian bebas tol Western Union (1-800-813-399). Sila ambil perhatian bahawa pertukaran wang asing, fi dan caj perkhidmatan tidak akan dikembalikan dan adalah atas budi bicara Western Union.

C. MENERIMA WANG

? 15. Bagaimanakah saya boleh menerima kiriman wang Western Union?

A Sila kunjungi mana-mana cawangan AmBank.

? 16. Apa yang patut saya lakukan dengan Nombor Kawalan Kiriman Wang (MTCN)?

- A**
- Kad Pengenalan Asal bagi warganegara Malaysia atau Pasport Asal dan Permit Kerja bagi bukan warganegara Malaysia.
 - Butiran pengenalan pengirim anda

D. FI & PERTUKARAN WANG ASING

- ? 17. Berapakah fi untuk menghantar Kiriman Wang Western Union dari sesebuah cawangan?**
- A** Fi adalah berbeza bergantung kepada Negara yang akan dikirim wang tersebut dan jumlah wang yang akan dikirim. Kunjungi mana-mana cawangan AmBank atau hubungi 03-2178 8888 untuk membuat pertanyaan mengenai Fi dan Pertukaran Wang Asing.
- ? 18. Adakah fi Western Union berbeza di AmBank berbanding dengan lokasi Ejen Western Union yang lain?**
- A** Tidak. AmBank adalah ejen Western Union, maka fi yang dikenakan adalah fi yang telah ditetapkan oleh Western Union. AmBank tidak mempunyai sebarang hak dalam penentuan fi tersebut.
- ? 19. Apakah kadar pertukaran wang asing yang digunakan untuk kiriman wang Western Union?**
- A** AmBank adalah ejen Western Union, maka fi yang dikenakan adalah fi yang telah ditetapkan oleh Western Union. AmBank tidak mempunyai sebarang hak dalam penentuan kadar matawang asing Western Union, dan kadar matawang asing mungkin lebih tinggi atau rendah berbanding dengan kadar rasmi AmBank.
- ? 20. Adakah saya akan dimaklumkan kadar pertukaran wang asing sebelum pengiriman wang tersebut dijalankan /dikirimkan?**
- A** Ya. Anda akan dimaklumkan mengenai kadar pertukaran wang asing dan fi transaksi sebelum pengiriman wang dilakukan.
- ? 21. Bolehkah saya menghantar and menerima kiriman wang Western Union melalui AmBank?**
- A** Ya. Anda boleh mengirim dan menerima kiriman wang Western Union melalui AmBank.